

NO SOALAN :17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.11.2017

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar MAS telah menjual 6 buah Airbus 380 dan 4 Boeing 777-200ER. Kalau benar, apakah sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah mengkaji semula keperluan penggunaan pesawat-pesawat sedia ada agar bersesuaian dengan model

perniagaan baharu syarikat. 6 buah pesawat Boeing 777-200ER telah dipajak oleh MAB dan kesemuanya telah dipulangkan kepada pemajak-pemajak (*lessors*) memandangkan pesawat-pesawat berkenaan tidak lagi diperlukan di dalam operasi syarikat. Manakala 6 buah pesawat Airbus A380 telah dipajak oleh MAB dan kesemuanya belum dipulangkan kepada *lessors*, ia masih lagi digunakan di dalam operasi syarikat untuk penerbangan bagi laluan Kuala Lumpur-London pada ketika ini. Walau bagaimanapun, pesawat yang lebih canggih dan moden iaitu Airbus A350-900 bakal menggantikan pesawat Airbus A380 ini secara berperingkat mulai pada Januari 2018 bagi operasi penerbangan biasa. Manakala bagi langkah perniagaan selanjutnya, pihak MAB merancang untuk menggunakan pesawat Airbus A380 berkenaan bagi penawaran perkhidmatan catar haji dan umrah yang dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2018.